

# Penggunaan Buku Eja<sup>2</sup> ZARZADUV Dalam Membantu Murid Tahun 4 Menyambung Huruf Jawi

Siti Osama Diyana Binti Mohd Sa'yuti, dan Ahmad Khairudin Bin Taha

**Abstract** – Bidang Jawi merupakan bidang yang penting untuk dikuasai oleh setiap murid kerana mata pelajaran Pendidikan Islam sememangnya menggunakan tulisan Jawi sebagai tulisan rasmi. Oleh hal yang demikian, kelemahan dalam penulisan dan pembacaan Jawi akan menyebabkan keciciran murid dalam menguasai kemahiran Jawi sekaligus Pendidikan Islam itu sendiri. Dapatan awal berdasarkan analisis hasil kerja murid mendapati murid tahun 4 di SK Muara Samarahan, menghadapi masalah dalam menyambung huruf jawi. Oleh itu, penyelidikan ini dijalankan bertujuan meningkatkan kemahiran menyambung huruf Jawi yang tidak boleh disambung selepasnya dalam kalangan murid tahun 4 melalui penggunaan Buku Eja<sup>2</sup> ZARZADUV. Data kajian diperoleh melalui analisis dokumen, pemerhatian, dan temu bual, dan kemudiannya dianalisis menggunakan analisis kandungan dan analisis deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan, penggunaan Buku Eja<sup>2</sup> ZARZADUV telah meningkatkan kemahiran menyambung huruf Jawi dalam kalangan peserta kajian. Kesemua peserta kajian hanya mencapai prestasi antara 0% hingga 12% dalam ujian pra, namun prestasi mereka meningkat secara signifikan dalam ujian pos, iaitu mencatat markah yang tinggi antara 80% hingga 100%. Melalui proses penyelidikan ini, pengkaji telah mendapatkan ilmu, kemahiran, nilai-nilai, dan pengalaman yang berharga, yang akan menjadi aset tambahan dalam usaha untuk meningkatkan amalan pengajaran dan pembelajaran sendiri. Sebagai cadangan kajian lanjutan, pengkaji bercadang untuk meluaskan kajian ini kepada guru Pendidikan Islam di sekolah lain, dengan harapan dapat membantu mengatasi cabaran dalam pengajaran Jawi di kalangan murid Pendidikan Islam.

**Kata Kunci** – Pendidikan Islam, Kemahiran menyambung huruf Jawi, Buku Eja<sup>2</sup> ZARZADUV, Jawi

## I. PENGENALAN

Dalam konteks Pendidikan Islam, terdapat tujuh bidang utama iaitu Al-Quran, Hadis, Akidah, Ibadah, Sirah, Adab, dan Jawi yang lengkap untuk memberikan pendidikan holistik yang seimbang, selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Walaubagaimanapun, beberapa pelajar menghadapi cabaran dalam menguasai bidang Jawi, yang merupakan asas penting dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Kebolehan menguasai tulisan Jawi adalah kritikal kerana banyak bahan dan sumber Pendidikan Islam menggunakan tulisan Jawi. Oleh itu, kelemahan kemahiran Jawi boleh menyebabkan kesukaran dalam memahami isi Al-Quran dan bahan bertulis dalam konteks Pendidikan Islam (Mohamad Radhi dan Hafizhah Zulkifli, 2021). Pendapat ini juga disokong oleh Nur Syamira et al., (2017), yang menyatakan bahawa kemahiran Jawi adalah asas penting dalam Pendidikan Islam, kerana sebahagian besar bahan pengajaran menggunakan tulisan Jawi. Oleh itu,

kepentingan isu ini menuntut tumpuan dan langkah-langkah yang sesuai untuk memastikan kecekapan dalam bidang Jawi ditingkatkan dengan tujuan meningkatkan penguasaan subjek Pendidikan Islam.

## II. FOKUS KAJIAN

Penyelidik telah menjumpai permasalahan yang timbul dalam proses pembelajaran tulisan Jawi di kalangan murid. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan dengan matlamat untuk meningkatkan kemahiran menyambung huruf Jawi yang tidak boleh disambung selepasnya secara tepat. Kajian ini memfokuskan lapan huruf yang tidak boleh disambung selepasnya dalam Buku Eja<sup>2</sup> ZARZADUV, iaitu huruf ج dan ل, huruf ر dan ذ, huruf ء dan د, huruf و dan ذ. Dalam pemilihan huruf-huruf ini, penelitian yang dilakukan menitikberatkan kepada tahap kecerdasan dan penguasaan kognitif murid. Harapannya, ini akan membantu mereka menguasai tulisan Jawi dengan lebih lancar. Kajian ini difokuskan khas kepada pelajar Tahun 4, memandangkan masalah ini lebih ketara di kalangan golongan tersebut. Di samping itu, kajian ini juga mengambil kira beberapa faktor penting seperti aspek kebolehtadbiran, kebolehgunaan, kolaborasi, serta kerelevanan kajian ini dengan konteks sekolah.

## III. OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

### Objektif Kajian

Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk membantu meningkatkan kemahiran murid tahun 4 dalam menyambung huruf Jawi dengan menggunakan Buku Eja<sup>2</sup> ZARZADUV.

### Soalan Kajian

Sejauh manakah penggunaan Buku Eja<sup>2</sup> ZARZADUV mampu membantu murid tahun 4 mengenal huruf Jawi yang tidak boleh disambung dan menyambung perkataan Jawi?

## IV. PESERTA KAJIAN

Kumpulan sasaran kajian pengkaji adalah terdiri daripada empat murid Tahun 4, dua lelaki dan dua perempuan, yang bersekolah di sebuah Sekolah Kebangsaan di Kota Samarahan. Pemilihan peserta kajian didasarkan pada prestasi akademik yang lemah dalam menyambung huruf Jawi dan tanda-tanda kurang minat dalam pembelajaran Jawi semasa PdP. Dalam menjaga etika penyelidikan, identiti sebenar peserta kajian telah dijaga, dengan mereka dikenali sebagai Akid, Najdad, Nur dan Sara.

## V. TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Proses tindakan dijalankan adalah secara berstruktur untuk menyiapkan kajian tindakan ini. Dengan itu, pengkaji telah mengimplementasikan langkah-langkah tindakan Buku Eja<sup>2</sup> ZARZADUV yang terdiri daripada Ujian Awal, Pelaksanaan Intervensi, Latihan, dan Ujian Akhir. Pertama, pengkaji melaksanakan Ujian Awal yang melibatkan ujian bertulis terhadap empat peserta kajian yang terpilih. Tujuannya adalah untuk menilai tahap penguasaan mereka dalam menyambung huruf Jawi yang tidak boleh disambung selepasnya. Kemudian, pengkaji memperkenalkan Intervensi Buku Eja<sup>2</sup> ZARZADUV kepada peserta kajian dengan menggunakan pendekatan *Hands On*. Langkah ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran mereka dalam menyambung huruf Jawi yang tidak boleh disambung selepasnya. Seterusnya, pengkaji melaksanakan Latihan untuk menguji pemahaman murid terhadap tindakan yang telah dilakukan sebelum mereka mengikuti Ujian Akhir. Akhir sekali, pengkaji menjalankan Ujian Akhir terhadap peserta kajian untuk menilai peningkatan kemahiran mereka dalam menyambung huruf Jawi yang tidak boleh disambung selepasnya. Soalan ujian akhir ini sama dengan yang diberikan semasa Ujian Awal. Kesemua langkah-langkah ini dilaksanakan dengan teliti untuk memerhati peningkatan kemahiran peserta kajian dalam menyambung huruf Jawi yang tidak boleh disambung selepasnya.



Rajah 1. Tindakan Intervensi Buku Eja<sup>2</sup> ZARZADUV



Rajah 2. Tindakan Intervensi Huruf<sup>2</sup> ZARZADUV



Rajah 3. Tindakan Intervensi Cross & Stay

Rajah-rajah di atas menunjukkan kandungan Buku Eja<sup>2</sup> ZARZADUV yang melibatkan sebuah “Big Book” yang mengandungi nota Huruf<sup>2</sup> ZARZADUV, latihan *Cross and Stay* serta 1 set lembaran kerja. Nota Huruf<sup>2</sup> ZARZADUV yang ringkas di dalam intervensi yang akan dihasilkan kepada peserta kajian adalah bertujuan untuk membantu murid mengingat cara menyambung huruf selepas huruf ZARZADUV dengan betul.

## VI. KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Proses pengumpulan data ini telah melibatkan tiga jenis instrumen penyelidikan, iaitu analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual. Kaedah analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual merupakan tiga kaedah tradisional yang utama dalam pengumpulan data kualitatif (Merriam dan Tisdell, 2016). Menurut Ong S. C. et al. (2017), kedua-dua data pemerhatian dan analisis dokumen ini dijadikan data sokongan yang tidak boleh berdiri sendiri melainkan disandarkan dengan data temu bual.

## VII. CARA MENGANALISIS DATA

Proses menganalisis data dilakukan selepas semua dapatan yang diperlukan mencukupi. Proses ini membolehkan pengkaji mampu menghasilkan interpretasi data mengikut hasil dapatan kajian. Perkara ini bertepatan dengan kajian Asyraf et al. (2022), bahawa proses analisis data yang teliti dan sistematik adalah penting dalam memastikan kebolehpercayaan hasil kajian dan kejutuan maklumat yang disampaikan. Bagi mengkaji data yang diperoleh melalui pemerhatian dan temu bual, pengkaji telah menggunakan kaedah analisis kandungan. Sementara itu, bagi mengkaji data yang berkaitan dengan analisis dokumen, pengkaji telah menggunakan kaedah analisis deskriptif.

## VIII. CARA MENYEMAK DATA

Proses semakan data memainkan peranan penting dalam menentukan kesahan dan kebolehpercayaan kajian. Maka, kaedah triangulasi akan digunakan untuk menyemak data yang diperoleh bagi menjamin kesahan dan kebolehpercayaan data yang diperoleh bagi kajian ini. Menurut Feng, F. L. Y., et al. (2021), triangulasi kaedah bermaksud penyelidik menggunakan kaedah yang berlainan

untuk mengumpul data daripada peserta kajian yang sama. Maka, untuk memastikan ketepatan dan kredibiliti kajian yang dilaksanakan, pengkaji menggabungkan kaedah triangulasi dan triangulasi sumber untuk melakukan semakan data yang diperoleh secara holistik.

## IX. DAPATAN KAJIAN

### Analisis Dokumen

Jadual I memaparkan perbandingan markah peserta kajian dalam Ujian Awal dan Ujian Akhir.

**JADUAL I: KEPUTUSAN PERBANDINGAN PENCAPAIAN PESERTA KAJIAN DALAM UJIAN AWAL DAN UJIAN AKHIR**

Bil	Peserta Kajian	Ujian Awal			Ujian Akhir		
		Markah (/8)	Peratus (%)	Gred	Markah (/8)	Peratus (%)	Gred
1	Sara	0	0	E	8	100	A
2	Nur	0	0	E	8	100	A
3	Akid	1	12.5	D	7	87.5	A
4	Najdad	1	12.5	D	8	100	A

Jadual I di atas menunjukkan perbandingan markah peserta kajian dalam Ujian Awal dan Ujian Akhir. Perbandingan ini membantu pengkaji melihat perubahan prestasi peserta sepanjang melalui intervensi yang dilaksanakan. Selain itu, pengkaji juga menterjemahkan prestasi peserta kajian dalam bentuk graf perbandingan pencapaian murid pada Rajah 4.



Rajah 4. Graf Perbandingan Markah Ujian Awal Dan Ujian Akhir

Berdasarkan Rajah 4, graf ini menggambarkan perubahan positif yang dilalui oleh keempat-empat peserta kajian dari ujian awal hingga ujian akhir. Peningkatan yang paling menonjol diperlihatkan oleh Sara dan Nur, yang masing-masing mencatat peningkatan sebanyak 100%. Sara dan Nur mula dengan markah ujian awal yang sangat rendah iaitu 0%. Selanjutnya, Akid juga menunjukkan perubahan yang ketara. Dengan markah ujian awal pada tahap 12.5%, Akid telah berjaya meningkatkan pencapaiannya secara ketara, mencapai markah 87.5% pada ujian akhir. Ini menunjukkan potensi murid untuk mencapai prestasi yang sangat baik melalui usaha dan komitmen. Manakala Najdad menunjukkan peningkatan sebanyak 87.5%. Najdad, seperti Sara dan Nur, juga mula dengan markah ujian awal 0%, tetapi pada ujian akhir, dia mencapai markah penuh 100%. Ini adalah pencapaian yang mengagumkan dan menunjukkan potensi yang ada pada setiap murid. Secara keseluruhannya,

pengkaji merasa amat berbangga dengan transformasi yang telah berlaku pada semua peserta kajian dalam ujian Akhir mereka.

### Analisis Pemerhatian

Berdasarkan nota lapangan yang dihasilkan semasa ujian awal yang bertarikh 14 Jun 2023, pengkaji menemui bahawa sebahagian besar peserta menunjukkan tindak-tanduk yang negatif. Namun, Akid adalah pengecualian yang memberi tumpuan sepenuhnya kepada menjawab soalan dan dengan bersemangat menghantar skrip jawapannya lebih awal daripada yang lain. Kemudian, semasa pelaksanaan tindakan intervensi, pemerhatian turut dijalankan. Pengkaji mendapati bahawa para peserta sangat berminat dengan Buku Eja<sup>2</sup> ZARZADUV. Reaksi mereka sangat positif ketika penerangan diberikan, dan mereka menunjukkan keseronokan semasa mencuba latihan *Cross & Stay* secara individu. Unsur latih tubi yang terdapat dalam Buku Eja<sup>2</sup> ZARZADUV telah membantu memperkukuhkan konsep yang diajar dan memberikan peluang untuk latihan tambahan. Pendekatan ini dipengaruhi oleh pandangan Sivakumar dan Mahzan (2023), yang menggariskan bahawa latihan yang disertakan dalam alat bantu boleh membantu murid mengingati dan memahami maklumat dengan lebih baik. Malah, Buku Eja<sup>2</sup> ZARZADUV yang boleh memberi pengalaman secara langsung telah meningkatkan motivasi murid untuk belajar sehingga terdapat peserta kajian enggan untuk mengakhiri sesi tindakan intervensi. Akhir sekali, pengkaji telah menjalankan pemerhatian semasa melaksanakan Ujian Akhir. Dari pemerhatian ini, pengkaji menyaksikan bahawa semua peserta menunjukkan keadaan ketenangan semasa menjawab soalan dan memberikan tumpuan sepenuhnya kepada tugas mereka. Peserta yang berjaya mengingati dan menyambung huruf dengan betul menunjukkan reaksi gembira dan penuh semangat. Maka, sepanjang perjalanan kajian, telah jelas bahawa terdapat perubahan yang positif dalam kalangan peserta kajian selepas pelaksanaan tindakan.

### Analisis Temubual

Dalam menjalankan kajian ini, penggunaan sesi temu bual telah diterapkan sebanyak tiga kali bersama peserta kajian. Semua temu bual tersebut telah direkodkan dan ditranskripsikan, selaras dengan tema kajian yang ditetapkan. Sesi temu bual pertama diadakan selepas pelaksanaan Ujian Awal, dan daripada perbualan tersebut, pengkaji telah mengesan isu utama yang dihadapi oleh murid-murid dalam pembelajaran menyambung huruf Jawi yang tidak boleh disambung selepasnya. Penyebab utama adalah masalah kesukaran mengingati huruf dan terkadang keliru. Kemudian, setelah tindakan intervensi dilaksanakan, pengkaji telah mengadakan sesi temu bual kedua dengan peserta kajian untuk mendapatkan maklum balas mereka. Keputusan daripada temu bual ini adalah positif, menunjukkan peningkatan dalam minat serta penglibatan peserta terhadap tindakan intervensi yang dilakukan. Seterusnya, setelah Ujian Akhir selesai, pengkaji telah mengadakan sesi temu bual ketiga dengan peserta kajian

untuk mendapatkan maklum balas mereka selepas pelaksanaan tindakan intervensi yang telah direkodkan sebelum ini. Keputusan daripada temu bual ini adalah positif, menunjukkan bahawa peserta kajian memberikan reaksi yang memberangsangkan terhadap tindakan intervensi yang dilakukan. Oleh itu, dapat disimpulkan daripada temu bual ini bahawa para peserta kajian secara aktif menyokong penggunaan Buku Eja<sup>2</sup> ZARZADUV dalam proses pembelajaran Jawi. Selain itu, Buku Eja<sup>2</sup> ZARZADUV ini juga telah terbukti memberikan bantuan yang signifikan kepada murid-murid dalam meningkatkan kecekapan mereka dalam mengingat dan menyambung huruf Jawi yang tidak boleh disambung selepasnya.

### Rumusan Dapatan

Secara keseluruhannya, hasil analisis menunjukkan bahawa kajian tindakan ini berjaya mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Pengkaji membuat penilaian berdasarkan setiap langkah dalam pelaksanaan kajian, bermula dari mula pelaksanaan sehingga tahap akhir. Pada permulaan, tahap penguasaan peserta bermula dari rendah dan berkembang menjadi lebih baik, kemudian semakin cemerlang. Kesimpulannya, kesemua peserta mencapai tahap prestasi yang cemerlang. Proses ini jelas menunjukkan peningkatan prestasi yang sangat memuaskan. Dengan ini, pengkaji percaya bahawa tindakan yang telah diambil dapat memberikan bantuan yang bermakna kepada peserta kajian dalam meningkatkan kemahiran menyambung huruf-huruf Jawi yang tidak boleh disambung selepasnya, dan seterusnya memberi impak positif terhadap penguasaan subjek Jawi.

## X. REFLEKSI

Secara holistik, kajian ini berjaya mencapai objektifnya dalam meningkatkan kemahiran menyambung huruf Jawi yang tidak boleh disambung selepasnya di dalam kalangan murid tahun 4. Usaha dan dedikasi yang diberikan dalam kajian ini adalah sesuatu yang membanggakan. Selama menjalankan penyelidikan ini, pengkaji sedar bahawa ia merupakan satu perjalanan yang memberikan pengalaman yang amat berharga dalam mempersiapkan diri untuk menjadi seorang guru yang lebih kompeten dan profesional. Penyelidikan ini telah membantu pengkaji meningkatkan pelbagai kemahiran insaniah, termasuk kemahiran perancangan, kemahiran interpersonal, dan kemahiran penyelesaian masalah. Keupayaan dalam kemahiran-kemahiran ini akan menjadi nilai tambah dalam perjalanan pengkaji sebagai bakal guru Pendidikan Islam, serta meningkatkan profesionalisme dalam bidang ini.

## XI. CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Berdasarkan hasil intervensi yang telah dilaksanakan terhadap peserta kajian, pengkaji merancang untuk menggantikan bahan cetak dengan bahan digital yang boleh diakses melalui peranti mudah alih atau komputer, menyediakan versi bahan dalam pelbagai format seperti audio atau video, dan memastikan kandungan bahan sesuai dengan tahap pemahaman peserta. Pendekatan ini sejajar

dengan pandangan Norazman & Saipolbarin (2023), yang menggesa transformasi dalam sistem pendidikan dengan mengintegrasikan teknologi yang berinovasi dan mesra pengguna. Selain itu, pengkaji juga merancang untuk patenkan Buku Eja<sup>2</sup> ZARZADUV dalam Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO). Hal ini merupakan langkah proaktif dalam melindungi dan memperkukuhkan hak milik intelek terhadap Buku Eja<sup>2</sup> ZARZADUV, yang telah dihasilkan sebagai hasil inovasi dalam bidang pendidikan Islam. Dengan mendapatkan hak paten, buku ini akan diberikan perlindungan undang-undang, dan ini akan memberi insentif kepada penciptanya untuk terus mencipta bahan pembelajaran yang berkualiti dan inovatif dalam sistem pendidikan negara (Nurul Syuhada & Nurmuslimah, 2023). Akhir sekali, pengkaji juga merancang untuk meluaskan kajian tindakan ini ke peringkat yang lebih mendalam. Contohnya, pengkaji yakin bahawa kajian ini boleh dikongsi dengan guru pelatih Pendidikan Islam yang lain, terutamanya mereka yang akan menjalani latihan praktikal pada masa akan datang. Oleh itu, pengkaji berpendapat bahawa kajian ini dapat memberikan kesan yang besar dalam memperkukuhkan penguasaan Jawi, terutamanya bagi murid-murid tahun 4 serta membantu dalam perkembangan amalan pengajaran guru Pendidikan Islam sejajar dengan pendidikan global yang cemerlang.

## RUJUKAN

- Asyraf bin Mohd Fadzil Mohamad, Zulkifli Mohamed dan Mohd Khairul Azmi bin Abu Ghani. (2022). Analisis data dalam penyelidikan: satu tinjauan konseptual. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(3), 34-45.
- Feng, F. L. Y., Fen, K. G., Liang, K. P., & Shin, L. H. (2021). Kaedah Pengajaran Dalam Talian Guru Bahasa Melayu Dan Motivasi Murid Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (A View into Online Teaching Methods of Malay Language Teachers and Students' Motivation in Primary School during Movement Control Order). *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11(1), 57-74.
- Merriam, S. B. & Tisdell, E. J. (2016). *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation*. 4th ed. Jossey-Bass Publishers.
- Mohamad Radhi Mohamad Yusof dan Hafizhah Zulkifli. (2021). Tahap Kefahaman dan Kemahiran Pengajaran Mata pelajaran Jawi dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam: The Level of Understanding and Teaching Skills of Jawi Subjects Among Islamic Education Teachers. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 5(1), 39-45.
- Norazman Syafri & Saipolbarin Ramli. (2023). [MS] Penggunaan Kaedah Inovasi Sambung dan Baca Bahasa Arab (SaBBAR) dalam Meningkatkan Kemahiran Membaca Perkataan Bahasa Arab Murid di Sekolah Rendah: The Use of an Innovative Method of 'Continue and Read Arabic' (Sabbar) in Improving the Skills of Reading Arabic Words in Primary Schools. *Afaq Lughawiyah*, 1(2), 295-309.
- Nur Syamira Abdul Wahab, Maimun Aqsha Lubis, Ramlee Mustapha, Aisyah Sjahrony, and Dedek Febrian.

- (2017). Kefahaman Al-Quran dan jawi melalui permainan bahasa bermultimedia. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 1(1), 41-53.
- Nurul Syuhada binti Baharuddin and Nurmuslimah Kamilah Abdullah. (2023). e-Mega Pro: Mempercepatkan Tempoh Penerimaan Surat Kelulusan Projek Pelajar: e-Mega Pro: Expedite the Issuance Letter of Approval for Student Project. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 10(2), 117-131.
- Ong S. C., Zamri Mahamod, and Mohd Izham Mohd Hamzah. (2017). Meneroka Kaedah Pengajaran Guru Cemerlang Bahasa Melayu Negeri Sarawak: Satu Kajian Kes (Exploring Teaching Methods of Sarawak Malay Language Excellent Teacher: A Case Study). *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(1), 93-108.
- Sivakumar Ramachindran & Mohd Mahzan Awang. (2023). Penggunaan Buku Teks Dan Hubungannya Dengan Amalan Nilai Patriotisme Dari Perspektif Murid. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(1), 761-770.